



Pejabat Residen Limbang menang Anugerah Pejabat Residen Terbaik

KUCHING: Pejabat Residen Limbang membawa pulang Anugerah Pejabat Residen Terbaik pada Majlis Anugerah Penilaian dan Penghargaan Pengurusan Rekod Terbaik Dalam Perkhidmatan Awam Negeri 2017 kelmarin.

Dengan kemenangan itu, Pejabat Residen Limbang membawa pulang wang tunai RM3,000, sebuah trofi dan sijil.

Menurut Pengerusi Pustaka Negeri Sarawak Tan Sri Datuk Amar Hamid Bugo, anugerah tersebut menunjukkan betapa komited Pustaka Negeri Sarawak membudayakan tadbir urus pengurusan rekod yang baik.

"Pihak kami telah bekerjasama dengan Arkib Negara Malaysia Cawangan Sarawak untuk menjadi panel audit luar.

"Ia bertepatan dengan usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman dalam pentadbiran pejabat residen agar amalan pengurusan rekod sentiasa berkeadaan baik dan berkesan demi kelancaran operasi seharian pejabat.

"Ini juga akan mendorong pejabat-pejabat residen untuk lebih gigih berusaha dan bersemangat memperbaiki kelemahan yang ada dalam pelaksanaan amalan pengurusan rekod di jabatan masing-masing," katanya ketika merasmikan Majlis Chairman's Annual Address and Appreciation 2018.

Lawatan audit telah diadakan bermula 12 September hingga 24 Oktober tahun lepas di Pejabat Residen Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Mukah, Sibul, Kapit, Bintulu,



TERTARIK: Hamid (tengah) melihat hasil seni kedua karyawan seni Timothy (kanan) dan Azimah (dua kanan) selepas merasmikan Majlis Chairman's Annual Address and Appreciation 2018 itu kelmarin.



PENJELASAN: Hamid (kiri) diberi penerangan mengenai perincian hasil seni oleh Azimah (tengah) dan Timothy (kanan) sewaktu melawat pameran fotografi di foyer Pustaka Negeri Sarawak kelmarin.

Miri, Limbang dan Serian.

Sementara itu, Anugerah Pejabat Residen Harapan

diberikan kepada Pejabat Residen Samarahan dengan membawa pulang RM1,000 dan sijil.

Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) Terbaik diberikan kepada Mohd Faizal Amer daripada Pejabat Residen Limbang dengan membawa pulang RM1,000 berserta sijil.

Pada masa yang sama, Hamid turut menyentuh projek mural flora dan fauna yang terdapat di dinding konkrit tingkat satu Pustaka Negeri Sarawak di sini.

Katanya ia merupakan hasil kerja pelajar Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) UNIMAS diketuai Pensyarah FSGK UNIMAS Sylvester Wielding Jussem.

Terdapat 10 mural yang telah dihasilkan bertemakan flora dan fauna di Sarawak, burung di Sarawak, pokok di Sarawak, serangga di Sarawak, mamalia di Sarawak, bunga di

Sarawak, buah-buahan di Sarawak, ikan di Sarawak, sayur-sayuran di Sarawak dan reptilia di Sarawak.

Sebelum ini, 10 bahan mural itu telah dihasilkan di UNIMAS sebelum dihantar ke Pustaka Negeri Sarawak untuk digantung di dinding konkrit tingkat satu bangunan tersebut.

Pihaknya percaya melalui usaha tersebut maka akan tercapai matlamat Pustaka Negeri Sarawak untuk menjadi bukan sahaja sebagai pusat pengetahuan tetapi juga seni.

Turut hadir adalah Ahli-ahli Lembaga Pustaka Negeri Sarawak Datuk Alfred Yap, Dr Abdul Rahman Deen, Profesor Madya Dr Sharen Ahmad Zaidi Aduce dan Dr Rita Manurung.

Juga diadakan pameran fotografi oleh Timothy Duesbury dan Nur Azimah Theresa Abdullah.